

25/08/1997

Lion, Sabah meterai janji urus ladang hutan

KUMPULAN Lion dan China Pulp & Paper Industry Co Ltd memeterai perjanjian dengan kerajaan negeri Sabah untuk menguruskan projek perladangan hutan serta kilang kertas dan palpa bernilai RM4.3 bilion di negeri berkenaan.

Projek itu yang dianggap sebagai pelaburan asing tunggal terbesar China dalam bahagian perladangan hutan dan kilang kertas di luar negaranya, akan mempunyai pengeluaran 750,000 tan palpa dan 225,000 tan kertas setahun.

Perjanjian itu dimeterai di Jabatan Perdana Menteri di Kuala Lumpur, minggu lalu oleh Pengerusi Lion, Tan Sri William Cheng dan Naib Pengerusi Suruhanjaya Perancangan Negara, Chen Tong Hai yang mewakili China Pulp and Paper Industry.

Sementara itu kerajaan Sabah pula diwakili Ketua Menterinya, Datuk Yong Teck Lee. Majlis itu turut disaksikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Perdana Menteri China, Li Peng. - Bernama

(END)